

China boleh buka bank di Malaysia

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan akan meminda Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 bagi membolehkan The People's Bank of China menjalankan kegiatan dan operasinya di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan pada prinsipnya bersetuju untuk membenarkan bank itu menubuhkan cawangan operasinya di sini tetapi terhalang kerana masalah undang-undang berkenaan.

"Kita dalam proses mengkaji kedudukan undang-undang itu kerana ia juga perlu dibawa dalam persidangan Parlimen," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Forum Pertama Malaysia-China, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas cadangan Bank of China untuk menubuhkan cawangan operasinya di sini yang tergendala kerana masalah undang-undang dalam akta

berkenaan.

Pengarah Zon Ekonomi Shanghai yang juga bekas Datuk Bandar Shanghai, Wang Dao Han turut serta dalam sidang akhbar.

Ditanya sama ada cadangan penubuhan forum Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) bertujuan untuk mewujudkan zon keamanan di rantau ini, Dr Mahathir berkata: "EAEC tidak merujuk kepada zon keamanan. Ia ditubuhkan untuk tujuan ekonomi berasaskan prinsip keadilan," katanya.

Menurutnya, forum ekonomi itu memberi peluang kepada negara anggota membincangkan masalah bersama membatik perdagangan dan membantu negara yang kurang maju di Asia Timur bersaing dengan negara yang lebih maju.

Mengenai kedudukan China selepas era Deng Xiopeng yang dikatakan uzur, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak bimbang dengan keadaan itu kerana negara berke-

naan sudah menyediakan dasar-dasar pentadbirannya.

Beliau yakin dasar-dasar Beijing sedia ada akan diteruskan tanpa sebarang perubahan yang boleh dibimbangkan.

Mengenai masalah yang terpaksa dihadapi oleh ahli perniagaan dan usahawan Malaysia ketika berurusan di negara China, Perdana Menteri berkata, keadaan itu adalah fenomena biasa yang terpaksa ditempuhi.

Menurutnya, suasana di negara asing berbeza dengan keadaan di negara ini yang sudah menjadi perkara biasa di kalangan ahli perniagaan dan usahawan tempatan.

"Dalam kes China, sistem perundangannya berbeza sama sekali daripada sistem undang-undang Malaysia. Kerana rakyat negara ini sudah biasa dengan sistem undang-undang tempatan, mereka akan menghadapi masalah dengan sistem undang-undang China," katanya.